



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 2 petang, Ahad 8 Oktober 2023

Untuk Terbitan Media

8 Oktober 2023

SIARAN MEDIA

SINERGI PRIHATIN 2023 PEMACU KERJASAMA RENTAS AGENSI

ALERT: PERKESO SANTUNI 25 PENERIMA FAEDAH, PERHALUSI BANTUAN LANJUT

KUALA LUMPUR: Program Sinergi Prihatin 2023 adalah manifestasi kerjasama rentas agensi yang diyakini berupaya meningkatkan mekanisme dan keberkesanan penyaluran bantuan kepada golongan sasaran.

Menerusi pembabitan dua agensi, iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) dan QSR Brands (M) Holdings Bhd, Program Sinergi Prihatin yang dianjurkan hari ini menyantuni 25 penerima faedah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di kediaman masing-masing.

Sesi kali ini turut menyaksikan proses pemprofilan lengkap, meliputi seluruh ahli keluarga penerima dibuat oleh PERKESO untuk memperhalusi bantuan selanjutnya, merentasi agensi yang mampu disalurkan menerusi Program Sinergi Sosial.

Di samping itu, PERKESO dengan pembabitan kira-kira 150 anggotanya dan rakan sinergi menyerahkan bantuan berbentuk bakul makanan prihatin, sumbangan baucar dan tunai untuk kegunaan dan keperluan harian penerima faedah.

Komitmen ini sekali gus mencerminkan tekad PERKESO ke arah penyaluran setiap bantuan yang bersesuaian secara terus kepada golongan memerlukan dan selari prinsip '*no one is left behind*'.

Program sebegini juga adalah usaha murni dan berterusan daripada PERKESO untuk memupuk nilai empati dalam kalangan anggotanya, selain memaparkan tahap

keprihatinan kepada penerima faedah dan ahli keluarga yang terkesan.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*leaves no one behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
8 OKTOBER 2023**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:
Mohd Wazid Zaidon
+6017-619 3181
wazid.zaidon@perkeso.gov.my**